



## **Ekonomi digital teras utama jayakan kerangka Ekonomi MADANI - Fahmi**

Julai 31, 2023 @ 5:34pm

PUTRAJAYA: Sektor ekonomi digital adalah teras utama dalam menjayakan kerangka Ekonomi MADANI kerana ia merupakan antara sektor terpenting dalam perkembangan ekonomi negara, kata Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Beliau berkata, pelaburan dalam ekonomi digital negara menunjukkan pertumbuhan hampir RM24 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, berbanding RM7.5 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.

"Saya difahamkan dalam masa terdekat, ada beberapa pengumuman pelaburan tambahan.

"Sektor ekonomi digital akan menjadi antara sektor terpenting. Itu sebab Perdana Menteri sebut mengenai digitalisasi, kesalinghubungan dan menyelesaikan beberapa masalah asas untuk rakyat," katanya dalam ucapan pada perhimpunan bulanan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), di sini, hari ini.

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat merupakan kerangka ekonomi diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 27 Julai lalu bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia dan dijangka membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Ia adalah rencana menyeluruh bagi Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan isu berkaitan daya saing serta tarikan negara sebagai destinasi pelaburan, dan menggariskan tindakan bagi menangani isu semasa yang memberi kesan terhadap kehidupan rakyat.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, aspek prasarana komunikasi, keselamatan siber dan ekonomi digital amat penting serta perlu dipertingkatkan bagi menjayakan sektor ekonomi digital.

"Malaysia sebagai negara yang jauh ke depan faham, pentadbiran faham, (bahawa) tiang seri utama adalah ekonomi digital serta tenaga boleh diperbaharui," katanya sambil menegaskan kerangka Ekonomi MADANI penting untuk membawa perubahan kepada negara. – BERNAMA